

# Curi pasir: Pemandu lori ditahan

Pejabat Daerah Hulu Langat berjaya kesan kegiatan curi pasir hasil maklumat awam

**SEMENYIH** - Seorang lelaki ditahan kerana terlibat dalam kegiatan mencuri pasir di tanah rizab sungai di Kampung Sungai Buluh, kelmarin.

Pegawai Daerah Hulu Langat, Datuk Zul-Kefli@Zulkefli Khalid berkata, bertindak atas maklumat orang awam sepasukan anggota penguat kuasa bergegas ke lokasi kejadian kira-kira jam 11 malam.

"Kita dapati 20 lori keluar masuk di kawasan itu kira-kira jam 1.30 pagi. Seramai 12 anggota penguat kuasa yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah telah membuat laporan polis di Balai Polis Semenyih, sebelum menyerbu

lokasi itu bersama anggota polis kira-kira jam 4.30 pagi.

"Kita berjaya tahan seorang lelaki yang juga pemandu lori pasir selain rampas sebuah lori dengan muatan pasir di dalamnya dan sebuah excavator yang dipercayai digunakan untuk kegiatan itu," katanya.

Menurutnya, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat memandang serius isu berkenaan selain akan mengenakan tindakan tegas terhadap pihak yang masih berdegil menjalankan aktiviti terbabit.

"Penduduk juga kerap buat aduan sebab mereka terpaksa hidu debu dan habuk tanah.

"Jalan di kawasan pe-

rumahan mereka juga rosak sebab lori pasir kerap ulang-alik di laluan itu," katanya.

Siasatan dijalankan mengikut pindaan Seksyen 426 Kanun Tanah Negara yang berkuat kuasa pada 1 Januari lalu, iaitu mengambil, mengalih dan membawa bahan batuan (pasir) tanpa kebenaran sah dan boleh dikenakan denda sebanyak RM500,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Orang awam yang mempunyai maklumat berhubung kegiatan curi pasir boleh memuat turun aplikasi rasmi Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat (apps PDTHL) untuk menyalurkan aduan itu.



Kegiatan curi pasir dijalankan di tanah rizab sungai di Kampung Sungai Buluh.